

DO62

U B403 B A H

MAHATHIR - PERPADUAN

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS 10.30 MALAMINI)

KUALA LUMPUR, 24 JAN (BERNAMA) -- PERPADUAN YANG WUJUD DI KALANGAN RAKYAT MALAYSIA PERLU DITINGKATKAN KE TAHAP YANG LEBIH MANTAP, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

KETIKA BERUCAP PADA HAJLIS SAMBUTAN ULANG TAHUN KE 15 RUKUN TETANGGA DI SINIMALAMINI, PERDANA MENTERI BERKATA PENINGKATAN ITU PENTING UNTUK MENJAMIN NEGARA MAMPU MENGHADAPI CABARAN TANPAMUDAH DIGUGAT.

KATANYA, SELAGI TAHAP ITU BELUM DICAPAI, PERPADUAN AKAN TERUS MENJADI PERTIMBANGAN UTAMA KE'RAJAAN DALAM PEMBENTUKAN DASAR SUPAYA PENDEKATANNYA DALAM SEGALA BIDANG TERMASUK POLITIK, EKONOMI, KEBUDAYAAN, BAHASA, PENDIDIKAN, AGAMA DAN KESELAMATAN AKAN MEMBANTU MEMANTAPKAN PERPADUAN.

DALAH HUBUNGAN INI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAHAWA BAGI MEMBINA NEGARA YANG BERSATU-PADU, RAKYAT PERLU MEMPUNYAI VISI YANG SAMA.

+BAGI MALAYSIA9 KITA HENDAKLAH TERUS MEMPERJUANGKAN VISI BERSAMA INI BERLANDASKAN PERLEMBAGAAN DAN RUKUNEGARA,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR. -- LAGI

2112MST 24 01 89

U B404 BAH

MAHATHIR - PERPADUAN 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA SEJAK MERDEKA PADA 1957, MALAYSIA TELAH MENCAPAI KEMAJUAN YANG NYATA DALAM MEMBENTUK SEBUAH NEGARA YANG KUKUH LAGI MAKMUR.

WALAU PUN BEGITU, PERDANA MENTERI MAHUKAN RAKYAT MALAYSIA SELALU MEMANDANG KE DEPAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, PROSES PEMBANGUNAN BANGSA MELIBATKAN SATU PROSES YANG LAMA DAN TIDAK BOLEH DICAPAI DALAM TEMPOH 20 ATAU 30 TAHUN SAHAJA..

DATUK SERI DR MAHATHIR YAKIN PROSES PEMBENTUKAN BANGSA DAPAT DIHANTAPKAN LAGI DALAM DEKAD 90AN INI DAN JUGAPADA TAHUN-TAHUN BERIKUT.

KATANYA, BELIAU YAKIN MALAYSIA AKAN MENJADI NEGARA YANG LEBIH MANTAP JIKA RAKYAT MEMPUNYAI KOMITMEN YANG KUAT, BERPEGANG TEGUH KEPADA PERLEMBAGAAN DAN RUKUNEGARA SERTA MENGAMALKAN NILAI-NILAI YANG BAIK.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGAMENYARANKAN SUPAYA USAHA-USAHA YANG LEBIH GIGIH DIJALANKAN BAGI MENINGKATKAN INTEGRASI ANTARA SABAH DAN SARAWAK DENGAN NEGERI DI SEMENANJUNG MALAYSIA. -- LAGI

21131IST 24 01 89

**U B405 BAH
MAHATHIR - PERPADUAN 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)**

PERDANAMENTERI MENEGASKAN BAHAWA KERAJAAN PERSEKUTUAN DENGAN KERJASAMA KERAJAAN NEGERI SABAH DAN SARAWAK TELAH MENGAMBIL PELBAGAZ LANGKAH UNTUK MEMAJUKAN INTEGRASIINI.

+NAMUN, PROSES INTEGRASI TIDAK BOLEH DISEMPURNAKAN DALAM WAKTU YANG SINGKAT. IA MEHERLUKAN MASA DAN KERAJAAN AKAN TERUS BERUSAHA SEHINGGA KITABERJAYA,+ KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENINGATKAN SUPAYA PERSELISIHAN FAHAM DAN HASALAH YANG TIHBUL DARIMASA KE SEHASA DISELESAIKAN MELALUI SALURAN YANG DISEDIAKAN DAN TIDAK DIGEHBAR-GEMBURKAN SEHINGGA BOLEH HENGUGAT KEHARHONIAN DAN KETENTERAHAN AWAM.

DALAH UCAPANNYA,PERDANA MENTERI JUGA HENYENTUH MENGENAI AKTA KESELAHATAN DALAM NEGERI (ISA).

BELIAU BERKATA, ISA DIPERLUKAN BAGI HEMBENDUNG DAN MENGAWASI ISU-ISU PERKAUHAN YANG BOLEH HENJEJAS KETENTERAMAN AWAM SEKIRANYA TIDAK DIKAWAL.

**KATANYA, KERAJAAN AKAN MENGEKALKAN ISA DAN UNDANG-UNDANG LAIN YANG BERKAITAN SELAGI ISU-ISU PERKAUHAN DAN UNSUR LAIN BERPOTENSI MENJADI ANCAHAN TERHADAP KESELAMATAN RAKYAT DAN NEGARA. -- BERNAMA
2116HST 24 01 89**